



MUZIUM Sabak Bernam menempatkan barangan yang berkaitan dengan budaya hidup penduduk di daerah itu.

Muzium Sabak Bernam simpan khazanah tani

SABAK BERNAM 10 Jan. – Tahukah anda nama Sabak Bernam berasal dari perkataan ‘Sebab Berenam’?

Mengikut sumber lisan, ‘Sebab Berenam’ ialah kisah enam sahabat yang berikhtiar mengalihkan sebatang kayu besar yang merintang sungai semasa dalam perjalanan untuk mengembara.

Disebabkan peristiwa tersebut, tempat di sekitar kawasan sungai itu dinamakan ‘Sebab Berenam’ dan lama-kelamaan, penduduk asalnya yang terdiri daripada orang-orang Bajau Laut telah menyebut ‘Sebab Berenam’ menjadi Sabak Bernam dan ia kekal sehingga sekarang.

Begitulah serba sedikit sejarah Sabak Bernam yang penulis perolehi selepas berkunjung ke Muzium Daerah Sabak Bernam baru-baru ini.

Muzium berkeluasan kira-kira 1,135 kaki persegi dan terletak bersebelahan perpustakaan daerah di Jalan Pasar, Pekan Sabak Bernam itu dibuka secara rasmi pada 30 Jun 2006.

Bagaimanapun, bagi mereka yang kali pertama ke pekan Sabak Bernam, agak sukar untuk mencari kedudukan muzium ini kerana tiada papan tanda disediakan oleh pihak pentadbir daerah.

Penolong kurator muzium, Mohd. Ismail Ramlan berkata, muzium itu lebih bersifat kedaerahan dengan bertemakan sejarah pertanian dan perikanan tempatan.

Beliau berkata, antara bahan yang dipamerkan di muzium itu ialah koleksi peralatan perikanan dan pertanian tradisional yang digunakan masyarakat awal di Selangor seperti belat, lulung, kuku kambing dan banyak lagi.

Menurutnya, turut dipaparkan ialah maklumat mengenai sejarah, kronologi dan perkembangan terkini sektor pertanian dan perikanan di Selangor yang juga boleh diperolehi melalui perkhidmatan kiosk info yang disediakan di pintu masuk muzium.

“Pengunjung-pengunjung juga boleh melihat ruang pameran sementara di luar bangunan muzium yang antara lainnya memaparkan bahan-bahan yang digunakan para petani zaman dahulu seperti lesung kayu, kipas padi dan beberapa bahan pertanian purba yang ditemui hasil usaha cari gali di Selangor,” kata beliau.


Tambahnya, di bahagian belakang muzium yang bersebelahan Sungai Bernam iaitu sungai terdalam di Semenanjung Malaysia, terdapat rumah warisan yang di dalamnya terdapat peralatan rumah tinggalan zaman dahulu.

Ujarnya, terdapat juga hasil-hasil penemuan arkeologi zaman prasejarah yang diletakkan di rumah warisan untuk tatanapan pengunjung.

“Penampilan melalui pengisian rumah warisan ini sedikit sebanyak akan memberi ruang kepada pelawat untuk kembali menghayati suasana kampung tradisi,” jelasnya.

Ketika ditanya bagaimana pihak muzium memperoleh bahan-bahan untuk dipamerkan, beliau berkata, ada bahan pameran yang disumbangkan oleh penduduk setempat dan ada yang dibeli, selain yang diperolehi melalui hasil cari gali.

Mengenai rancangan untuk mempromosikan Muzium Daerah Sabak Bernam kepada orang ramai terutama penduduk tempatan Selangor sendiri beliau memberitahu, pelbagai aktiviti telah dirancang dan akan melibatkan penduduk tempatan, pelancong dan pelajar sekolah.



ANTARA bahan yang dipamerkan di Muzium Sabak Bernam termasuklah (ikut arah jam) bubu, senapang merejam ikan, lesung yang dikatakan misteri dan lesung kaki.

Katanya, antara aktiviti yang akan diadakan ialah pertandingan membuat kraf-tangan tradisional dari hasil perikanan atau pertanian, program bersama pelajar sekolah dan universiti dan pelbagai lagi.

“Kita juga masih meneruskan program mencari ahli muzium sebagai usaha memupuk minat orang ramai menghargai warisan budaya negara,” katanya.

Bagi mereka yang gemarkan kisah misteri, penulis diberitahu, salah satu bahan yang dipamerkan di muzium itu iaitu batu lesung purba yang ditemui hasil cari gali di Batu Belah, Klang dikatakan tidak boleh diangkat oleh sebarang orang.

Jika mahu tahu cerita selanjutnya atau mahu cuba mengangkat batu ini (jika dibenarkan) silalah berkunjung ke muzium ini.